## Naib Canselor UPM Mempengerusikan Lembaga Pemegang Amanah ASAIHL Ke-143




**Oleh: Mohd Nazri Md Yasin**

**TAIPEI, 18 Mei -** Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah ASAIHL di National Taiwan University, Taipei.

Dalam ucapan sulung beliau, Prof. Datin Paduka Aini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Naib Canselor UPM Prof. Dato' Mohd Fauzi Ramlan atas sumbangan jasa beliau sebagai Presiden ASAIHL dan akan meneruskan tanggungjawab yang diberikan kepada Universiti Putra Malaysia dalam menerajui ASAIHL untuk tempoh sehingga Bulan Disember 2016.

Prof. Datin Aini turut mengucapkan penghargaan kepada Presiden dan kepimpinan National Taiwan University atas hospitaliti dan kejayaan penganjuran persidangan ASAIHL pada kali ini.

Persidangan kali ini amat bermakna dan mencatatkan sejarahnya tersendiri kerana ia juga merupakan sambutan 60 tahun penubuhan ASAIHL.

ASAIHL telah ditubuhkan pada tahun 1956 hasil cetusan idea 8 universiti dari 8 negara Asia iaitu Malaysia, Thailand, Philippines, Indonesia, Myanmar, Vietnam, Sri Lanka dan Hong Kong, China.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah ASAIHL turut merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris sebagai Naib Canselor UPM dan seterusnya menerajui kepimpinan ASAIHL.

Mereka menyatakan sokongan kepada Datin Paduka untuk sama-sama membawa ASAIHL ke peringkat yang lebih tinggi.

Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah ASAIHL merupakan badan tertinggi dalam pembuatan dasar berkaitan halatuju dan aktiviti yang dilaksanakan oleh ASAIHL bagi kepentingan bersama.

Tuan rumah bagi Mesyuarat dan Persidangan ASAHL kali ini merupakan National Taiwan University.

Naib Presiden bagi Hal Ehwal Antarabangsa (Vice President for International Affairs), Prof. Dr. Luisa Shu-Ying Chang turut hadir selaku tuan rumah mewakili Presiden NTU Prof. Dr. Pan-Chyr Yang ke Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah ASAIHL.






**FAKTA NTU**

National Taiwan University (NTU) is Taiwan's flagship research institution since its foundation in 1928 as Taihoku Imperial University. Committed to excellence for eight decades, the University has played a constructive role in Taiwan's remarkable transformation into a highly competitive economy and modern society. It offers a stimulating, intellectually rigorous environment in which to develop innovative research with strong impact.

NTU's leading role in education and research is supported by a global strategy that capitalizes on sustained mobility, an expanded network of 500 partners in 60 countries, and the creation of quality international opportunities.

NTU is:

- 37th worldwide for academic reputation (QS World University Rankings 2015).
- in the 61–70 band worldwide for university reputation (Times Higher Education Top Universities by Reputation 2015).
- 76th worldwide overall (QS World University Rankings 2015).
- in the top 1% in the world by number of highly cited papers in 19 out of 22 areas of the ESI (Essential Science Indicators) database.
- 1st in Taiwan by research budget.
- 1st in Taiwan by number of industrial partnerships and technology transfers.

**Caption foto kedua**: Prof Datin Paduka Aini Ideris (kanan) bersama Presiden NTU Prof. Dr. Pan-Chyr Yang, Naib Presiden bagi Hal Ehwal Antarabangsa -Prof. Dr. Luisa Shu-Ying Chang, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim dan Naib Presiden Eksekutif Akademik dan Penyelidikan NTU Profesor Dr. Liang-Gee Chen.

**RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat :**
**Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)**

**@2013 Universiti Putra Malaysia**
**Kemaskini Terakhir : 07 Jun 2016**